

SEKOLAH NUSA LAILA PUTERI, JANGSAK
UJIAN TOPIKAL
BAHASA MELAYU
TATABAHASA
TAHUN 10

Pilih jawapan yang betul sama ada jawapan A,B,C atau D.

1. Mandy membaca se _____ majalah untuk mengisi masa lapangnya.
A. buah
B. naskhah
C. keping
D. helai
2. Puan Norli tidak mampu membeli pakaian di butik itu kerana semuanya _____.
A. murah-murah
B. cantik-cantik
C. mahal-mahal
D. baru-baru
3. Pak Cik Seman memerah keringat _____ menyara kehidupan keluarganya.
A. di
B. ke
C. demi
D. dengan
4. Mei Chen menangis teresak-esak _____ dimarahi ibunya.
A. kerana
B. tetapi
C. agar
D. dan
5. Kuih seri muka itu saya _____ untuk nenek dan datuk yang baru tiba dari kampung.
A. hidangkan
B. menghidang
C. dihidang
D. berhidang

6. Bilik darjah yang _____ itu tidak dapat menampung bilangan murid yang banyak.

- A. lebar
- B. ketat
- C. sempit
- D. luas

7. Puan Alia membeli lima _____ jagung untuk anak-anaknya di gerai itu.

- A. tongkol
- B. biji
- C. batang
- D. sikat

8. Dalam _____, rupa-rupanya Khairul membeli sebuah rumah banglo untuk keluarganya.

- A. dengar-dengar
- B. dekat-dekat
- C. malu-malu
- D. diam-diam

9. Penerbangan ke Australia terkandas akibat cuaca _____.

- A. buruk
- B. cerah
- C. dingin
- D. nyaman

10. Azman tidak _____ kotak yang penuh dengan buku-buku itu.

- A. pengangkat
- B. mengangkat
- C. diangkat
- D. terangkat

11. Ibu menyang ikan dengan menggunakan se_____ pisau yang tajam.
- A. bilah
 - B. batang
 - C. bentuk
 - D. butir
12. Syauki memasukkan beberapa _____ ais ke dalam minumannya.
- A. ulas
 - B. buah
 - C. ketul
 - D. helai
13. " Berat se_____ anggur itu lebih kurang satu kilogram", kata penjual itu.
- A. biji
 - B. buah
 - C. gugus
 - D. keping
14. "Sila beratur dalam dua barisan, murid-murid," kata Cikgu Ahmad.
- A. Cikgu Ahmad mempersilakan murid-murid beratur dalam dua barisan.
 - B. Cikgu Ahmad meminta murid-murid supaya beratur dalam dua barisan.
 - C. Murid-murid yang beratur dalam dua barisan mempersilakan Cikgu Ahmad.
 - D. Mempersilakan murid-murid beratur Cikgu Ahmad meminta.
15. "Mi rebus ini sedap tetapi agak pedas," kata Rita kepada Melati.
- A. Rita memberitahu Melati bahawa mi rebus itu sedap tetapi agak pedas.
 - B. Rita dan Melati diberitahu bahawa mi rebus itu sedap tetapi agak pedas.
 - C. Rita dan Melati memaklumkan bahawa mi rebus itu sedap tetapi agak pedas.
 - D. Melati dan Rita memberitahu bahawa mi rebus itu sedap tetapi agak pedas.

16. "Zainab, ambikan saya pinggan itu," kata Wati.
- A. Pinggan itu diambil oleh Wati dan diberikan kepada Zainab.
 - B. Zainab diminta oleh Wati supaya meletakkan pinggan yang diberinya itu.
 - C. Wati meminta Zainab mengambil pinggan itu untuknya.
 - D. Zainab dan Wati meletakkan pinggan itu.
17. "Berikan bola ini kepada Zainal Abidin, " kata Dollah Salleh.
- A. Dollah Salleh mengarah agar bola ini diberi kepada Zainal Abidin.
 - B. Dollah Salleh menyuruh agar bola itu diberi kepada Zainal Abidin.
 - C. Dollah Salleh mahu bola diberi kepada Zainal Abidin.
 - D. Dollah Salleh memberitahu bola itu diberi.
18. "Jangan sekali-kali membantah arahan guru," pesan ayah kepada adik.
- A. Adik dinasihati oleh ayah agar tidak menurut pesanan guru.
 - B. Ayah mengingatkan adik agar jangan sekali-kali membantah arahan guru.
 - C. Adik dilarang membantah arahan guru lebih daripada sekali.
 - D. Ayah membantah arahan adik terhadap guru.
19. "Ceritakanlah masalah kamu itu. Mungkin saya dapat menolong kamu, Liana," kata Sarina.
- A. Sarina meminta Liana menolongnya menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
 - B. Sarina meminta Liana menceritakan masalah yang dialaminya mudah-mudahan dia dapat membantu Liana.
 - C. Sarina menasihati Liana agar menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
 - D. Liana meminta agar Sarina menyelesaikan masalah yang dihadapinya.
20. "Belajarlah sungguh-sungguh, jangan sia-siakan usia mudamu," kata abang kepada saya.
- A. Abang menasihati saya supaya jangan mensia-siakan masa muda dan belajar dengan sungguh-sungguh.
 - B. Abang memberitahu supaya rajin belajar dan jangan mensia-siakan usianya yang muda.
 - C. Abang menyuruh saya belajar supaya tidak mensia-siakan usia yang muda.
 - D. Saya menasihati abang supaya belajar bersungguh-sungguh.